

INSURANS PECAH MASUK

Helaian Pendedahan Produk

Tarikh: Seperti Tarikh Cetakan

(Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Insurans Pecah Masuk. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberikan perlindungan daripada kecurian harta seperti stok dagangan, peralatan pejabat, perabot, kelengkapan dan sebagainya.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- Kehilangan harta semasa berada dalam premis tertentu:
 - Melalui kecurian akibat daripada kemasukan ke dalam atau keluar dari premis dengan menggunakan paksaan dan kekerasan
 - Sebagai akibat daripada rompakan bersenjata atau rompakan dengan kekerasan
- Kerosakan kepada harta atau premis tertentu akibat kecurian atau sebarang percubaannya

Harta anda boleh diinsuranskan mengikut mana-mana satu daripada dasar berikut:

1. Nilai Penuh

Ini digunakan apabila terdapat kemungkinan keseluruhan harta yang diinsuranskan dicuri pada bila-bila satu masa. Jumlah diinsuranskan adalah nilai penuh bagi harta yang diinsuranskan.

2. Kerugian Pertama

Ini digunakan apabila keseluruhan harta yang diinsuranskan tidak mungkin dicuri pada bila-bila satu masa. Jumlah diinsuranskan hendaklah menunjukkan potensi kerugian maksimum pada bila-bila satu masa.

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza berdasarkan keperluan pengunderaitan kami, pendedahan risiko dan jumlah diinsuranskan.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Bayaran yang anda perlu bayar selain premium

- Cukai Perkhidmatan
- Duti Setem

Jumlah

8% daripada premium
RM 10.00

Bayaran yang termasuk dalam premium

- Komisen dibayar kepada ejen insurans (jika ada)

Jumlah

25% daripada Premium



MSIG

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd

Registration No. 197901002705 (46983-W)

Head Office: Customer Service Centre, Level 15,

Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur

Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086, Customer Service Hotline 1800 88 MSIG (6744)

www.msig.com.my

A member of **MS&AD** INSURANCE GROUP

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung polisi ini.

5. Apakah terma dan syarat utama yang harus saya sedari?

- Kewajipan Pendedahan: Ia adalah kewajipan Pencadang untuk mendedahkan kepada MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ("Syarikat") sesuatu perkara yang (a) dia tahu sebagai berkaitan kepada keputusan Syarikat sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai; atau (b) seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan. Kewajipan pendedahan ini oleh Pencadang hendaklah berterusan sehingga ke masa kontrak insurans itu dibuat, diubah atau diperbaharui
- Dasar pembayaran ganti rugi untuk kerugian/kerosakan terhadap harta yang diinsuranskan kecuali stok dagangan:
 - Nilai Pasaran - kami akan membayar kos membaiki harta yang hilang atau rosak tolak amaun kehausan, kelusuan dan susut nilai.
 - Nilai Penggantian - kami akan mengembalikan, membaiki atau mengganti harta yang hilang atau rosak tanpa pemotongan dibuat ke atas kehausan, kelusuan atau susut nilai, dengan syarat jumlah diinsuranskan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos untuk menggantikan harta tersebut.
- Anda mesti mengambil semua langkah-langkah keselamatan untuk mencegah kecurian.
- Lebihan, sebagai amaun yang harus ditanggung anda sendiri sebelum kami membayar ganti rugi kepada anda.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan yang berpunca daripada:

- Mana-mana orang yang berada dalam premis dengan sah
- Kebakaran, peperangan, mogok, rusuhan, kekecohan awam, ketenteraan atau perampasan kuasa, undang-undang ketenteraan, tindakan keganasan
- Ketika premis tidak diduduki untuk suatu tempoh melebihi 30 hari berturut-turut
- Radioaktif dan nuklear

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh batalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium yang diselaraskan pada dasar kami untuk membendung premium tempoh singkat atau premium minimum. Pemulangan premium tidak dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi ini.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran hubungan / peribadi saya?

Anda harus memaklumkan pihak kami secara bertulis dengan segera jika anda sedari terdapat apa-apa perubahan dalam penggajian, pekerjaan, tugas atau kegiatan mana-mana Orang Yang Diinsuranskan, atau mana-mana perubahan lain yang mungkin meningkatkan kemungkinan berlakunya tuntutan di bawah Polisi ini.

9. Dari manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan informasi tambahan mengenai Insurans Pecah Masuk, sila hubungi kami di:

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
No. Pendaftaran 197901002705 (46983-W)
Pusat Khidmat Pelanggan:
Level 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng
No. 1, Jalan P. Ramlee
50250 Kuala Lumpur
Tel : (603) 2050 8228
Faks : (603) 2026 8086
Talian Khidmat Pelanggan : 1800-88-MSIG (6744)
E-mel : myMSIG@my.msig-asia.com

10. Lain-lain jenis perlindungan Insurans Am yang disediakan:

- Insurans Kebakaran
- Insurans Wang
- Insurans Liabiliti Awam

NOTA PENTING:
ANDA MESTI PASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG SESUAI. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU BERHUBUNG TERUS DENGAN SYARIKAT INSURANS UNTUK INFORMASI LEBIH TERPERINCI.

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 1 Jun 2024.